

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	30/07/2017B

**Pembangking perlu siasat Tun M**  
*Sinar Harian - 30/7/2017 pg. 2*

SETIU - Pakatan pembangkang perlu memulakan siasatan ke atas Tun Dr Mahathir Mohamad sekarang jika mereka benar-benar memperjuangkan keadilan dan bukan menunggu sehingga selepas PRU14, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

"Apa yang menjadi tanda tanya kenapa nak tunggu menang pilihan raya? Sudah nampak ada percanggahan, kalau menang siasat, kalau kalah sepakat, itu tidak masuk akal," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Setiu, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Pakatan Harapan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang bersejua menubuhkan suruhanjaya bagi menyiasat tuduhan terhadap Mahathir sepanjang menjadi perdana menteri selama 22 tahun.

Bagaimanapun, Dr Wan Azizah berkata, ia hanya dapat dilakukan sekiranya Pakatan Harapan berjaya menumpaskan BN pada PRU14.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, ia berbeza dengan kerajaan BN yang menjalankan siasatan terhadap sesuatu isu seperti 1MDB yang melalui pelbagai siasatan sebelum ini.

Dalam pada itu, katanya, pihaknya menerima maklum balas positif jentera di peringkat bahagian, cawangan dan pusat daerah mengundi (PDM) terhadap manual PRU14. - *Bernama*